

# TERMA DAN SYARAT KEMPEN “GX REWARDS EXPERIENCE”

(Dikemasikini pada 1 Ogos 2024)

## 1. Terma Am

- 1.1 Kempen “GX Rewards Experience” (“**Kempen**”) dianjurkan oleh GX Bank Berhad (sebelum ini dikenali sebagai A5-DB Operations (M) Berhad) (“**GXBank**”) dan akan berlangsung dari **6 November 2023** hingga **5 November 2024** (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) atau tarikh lain yang mungkin ditetapkan oleh GXBank dari semasa ke semasa dengan notis awal kepada anda (“**Tempoh Kempen**”).
- 1.2 Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen “GX Rewards Experience” ini (“**Terma dan Syarat**”) dan bersetuju bahawa sebarang keputusan yang dibuat oleh GXBank berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.
- 1.3 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Runcit GXBank yang boleh dilayari di [www.gxbank.my](http://www.gxbank.my).

## 2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu GXBank (“**Pelanggan yang Layak**”, “**anda**”, atau “**kamu**”) yang telah membuka akaun simpanan dengan GXBank (“**Akaun GX**”).
- 2.2 Individu-individu berikut **tidak** layak untuk menyertai Kempen ini:
  - (a) pelanggan di mana Akaun GX atau kad debit GX (“**Kad GX**”) mereka ditamatkan, ditutup, digantung, lewat bayar atau dijalankan secara tidak memuaskan seperti yang ditentukan oleh GXBank dalam Tempoh Kempen;
  - (b) individu yang menjadi tidak waras, meninggal dunia, diisytiharkan muflis, atau mempunyai tindakan undang-undang apa pun yang diambil terhadap mereka; atau
  - (c) individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.

## 3. Mekanik Kempen dan Kriteria Kelayakan

- 3.1 Kempen ini terdiri daripada tiga (3) kategori ganjaran berikut:
  - (a) Perbelanjaan Runcit dan Dalam Talian Menggunakan Kad GX (fizikal dan maya) (“**Kategori Ganjaran 1**”);
  - (b) Perbelanjaan di Jaya Grocer Menggunakan Kad GX Fizikal (“**Kategori Ganjaran 2**”); dan
  - (c) Bayar untuk Perkhidmatan Grab Menggunakan Akaun GX yang Dihubungkan (“**Kategori Ganjaran 3**”),secara kolektif, (“**Kategori Ganjaran**”).

3.2 Untuk layak menerima Ganjaran Kempen di bawah Kategori Ganjaran yang berkaitan (seperti yang dinyatakan dalam **Fasal 4.1** di bawah), Pelanggan yang Layak harus memenuhi Kriteria Kelayakan bagi Kategori Ganjaran yang berkenaan semasa Tempoh Kempen seperti yang dinyatakan di bawah.

No.	Kategori Ganjaran	Kriteria Kelayakan
1	Perbelanjaan Runcit dan Dalam Talian Menggunakan Kad GX (fizikal dan maya)	<p>(a) Melakukan transaksi runcit atau e-dagang menggunakan Kad GX anda (sama ada fizikal atau maya) ("<b>Perbelanjaan Layak</b>").</p> <p>(b) Sila rujuk kepada <b>Fasal 3.3</b> di bawah untuk transaksi yang dikecualikan sebagai Perbelanjaan Layak.</p>
2	Perbelanjaan di Jaya Grocer Menggunakan Kad GX Fizikal	<p>(a) Anda mesti mempunyai:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Kad GX fizikal yang aktif; dan</li> <li>(ii) keahlian Jaya Grocer yang aktif.</li> </ul> <p>(b) Semasa proses pembayaran di mana-mana kedai runcit Jaya Grocer di seluruh negara*, imbas kod bar keahlian Jaya Grocer anda (yang terdapat pada Aplikasi Mudah Alih Pengguna Grab ("<b>Aplikasi Grab</b>") dan bayar pembelian anda menggunakan Kad GX fizikal anda.</p> <p><b>*Tidak terpakai untuk pesanan dalam talian yang dilakukan melalui GrabMart atau Jaya Grocer Online.</b></p> <p>Untuk maklumat lanjut berkenaan Keahlian Jaya Grocer, sila rujuk:  <a href="https://membership.jayagrocer.com">https://membership.jayagrocer.com</a></p>
3	Bayar untuk Perkhidmatan Grab Menggunakan Akaun GX yang Dihubungkan	<p>(a) Hubungkan Akaun GX anda sebagai kaedah pembayaran ke akaun Grab anda di Aplikasi Grab.</p> <p>(b) Bayar perkhidmatan GrabFood, GrabCar, GrabMart atau GrabExpress (secara kolektif, "<b>Perkhidmatan Grab</b>") di Aplikasi Grab menggunakan Akaun GX yang dihubungkan.</p> <p>(c) Untuk memaksimumkan Ganjaran Kempen bagi Kategori Ganjaran 3 ini, anda juga perlu melanggan atau mengekalkan langganan aktif GrabUnlimited semasa Tempoh Kempen.</p> <p>(d) Jika anda memutuskan hubungan Akaun GX anda dari akaun Grab anda di Aplikasi Grab semasa Tempoh Kempen, anda tidak layak menerima Ganjaran Kempen bagi Kategori Ganjaran 3 ini.</p>

3.3 Berhubung dengan Kategori Ganjaran 1, Perbelanjaan Layak menggunakan Kad GX tidak termasuk transaksi berikut dan Ganjaran Kempen tidak akan diberikan untuk transaksi tersebut ("**Transaksi Terkecuali**"):

- (a) pembayaran yuran penerbitan kad baru, yuran tahunan kad, yuran penggantian kad, dan/ atau sebarang yuran kad yang dikenakan dari semasa ke semasa;
- (b) transaksi pengeluaran tunai;
- (c) transaksi tambah nilai e-dompot;
- (d) sebarang transaksi/ pembayaran dikenakan dengan peniaga-peniaga AirPay Malaysia Sdn Bhd; FassPay dan Codashop;
- (e) sebarang transaksi dikenakan dengan SSPN Prime/SSPN Plus savings
- (f) pembayaran insurans dan/ atau takaful;
- (g) pembayaran berkaitan perkhidmatan servis profesional dan komersial berikut:

Penerangan
Pembayaran Tunai Manual
Pembayaran Tunai Automatik
Barang dan Perkhidmatan di Institusi Kewangan
Sekuriti: Broker/Pedagang
Ejen Hartanah dan Pengurus: Sewaan
Perkhidmatan Transaksi Pembayaran untuk Memindahkan Dana ke Akaun Mastercard

- (h) (h) pembayaran berkaitan servis kontrak berikut:

Penerangan
Kontraktor Am: Kediaman dan Komersial
Kontraktor Penghawa Dingin, Pemanasan, dan Paip
Kontraktor Elektrik
Kontraktor Penebat, Simen, Plesteran, Kerja Batu dan Pemasangan Jubin
Kontraktor Kayu
Kontraktor Bumbung dan Siding, Kontraktor Kerja Lembaran Logam
Kontraktor Kerja Konkrit
Kontraktor, Kontraktor Dagangan Khas
Penerbitan dan Percetakan Pelbagai
Penyusunan, Pembuatan Plat dan Perkhidmatan Berkaitan
Sanitasi, Pengilatan, dan Persiapan Pembersihan Khas

- (i) pembayaran berkaitan kerajaan adalah yang berikut:

Penerangan
Kos Mahkamah (termasuk nafkah dan sokongan kanak-kanak)
Denda
Bayaran Jaminan dan Cagaran
Pembayaran Cukai
Perkhidmatan Kerajaan

Perkhidmatan Pos (Hanya Kerajaan)
Pembelian Dalam Kerajaan (Hanya Kerajaan)

- (j) pembayaran ke badan amal dan/ atau organisasi perkhidmatan sosial;
- (k) perjudian, pertaruhan, dan transaksi berkaitan perjudian;
- (l) transaksi pedagang wang semu (contohnya, wang kripto, mata wang asing, kiriman wang);
- (m) transaksi batal, pembalikan atau bayaran balik; dan
- (n) transaksi lain yang GXBank mungkin tentukan atas budi bicaranya.

#### 4. Ganjaran Kempen

4.1 Pelanggan yang Layak yang telah memenuhi Kriteria Kelayakan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Fasal 3 di atas semasa Tempoh Kempen akan layak menerima Ganjaran Kempen berikut:

No.	Kategori Ganjaran	Ganjaran Kempen	Pengkreditan Ganjaran Kempen/ Kelayakan
1	Perbelanjaan Runcit dan Dalam Talian Menggunakan Kad GX (fizikal dan maya)	1% ganjaran tunai tanpa had untuk Perbelanjaan Layak	<p><u>Pengkreditan Ganjaran Kempen</u> Ganjaran tunai akan dikreditkan ke Akaun GX Pelanggan yang Layak selepas Perbelanjaan Layak diluluskan atau diselesaikan, iaitu apabila Perbelanjaan Layak berada di bawah status “Processing” (“Pemprosesan”) atau “Successful” (“Berjaya”). Dalam kes-kes tertentu, pengkreditan ganjaran tunai boleh mengambil masa sehingga dua (2) minggu dari tarikh Perbelanjaan Layak dilakukan. Jika Perbelanjaan Layak dibatalkan selepas itu, sebarang jumlah ganjaran tunai yang dikreditkan akan ditarik balik atau didebitkan dari Akaun GX Pelanggan yang Layak.</p> <p><u>Kelayakan Ganjaran Kempen</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pelanggan yang Layak akan layak menerima Ganjaran Kempen ini beberapa kali sepanjang Tempoh Kempen untuk setiap transaksi Belanja Layak.</li> <li>(ii) Nilai pulangan tunai 1% akan dikira dan dibundarkan ke bawah kepada dua (2) titik perpuluhan terdekat dan jumlah ganjaran tunai mesti sekurang-kurangnya RM0.01 untuk</li> </ul>

No.	Kategori Ganjaran	Ganjaran Kempen	Pengkreditan Ganjaran Kempen/ Kelayakan
			dikreditkan ke Akaun GX Pelanggan yang Layak (" <b>Pulangan Tunai Layak</b> ").
2	Perbelanjaan di Jaya Grocer Menggunakan Kad GX Fizikal	1.5x Mata Ganjaran Grab untuk setiap RM1 yang dibelanjakan menggunakan Kad GX (fizikal sahaja)	<p><u>Pengkreditan Ganjaran Kempen</u> Mata Ganjaran GrabRewards akan dikreditkan ke akaun Grab Pelanggan yang Layak di Aplikasi Grab dengan segera setelah transaksi Pelanggan yang Layak berjaya diselesaikan. Dalam kes-kes tertentu, pengkreditan mata GrabRewards boleh mengambil masa sehingga dua (2) minggu dari tarikh transaksi berjaya anda.</p> <p><u>Kelayakan Ganjaran Kempen</u> Pelanggan yang Layak akan layak menerima Ganjaran Kempen ini beberapa kali sepanjang Tempoh Kempen.</p>
3	Bayar untuk Perkhidmatan Grab Menggunakan Akaun GX yang Dihubungkan	<p><b>Pelanggan GrabUnlimited:</b> 1.5x mata ganjaran Grab Rewards untuk setiap RM1 yang dibelanjakan</p> <p><b>Bukan Pelanggan GrabUnlimited:</b> 0.75x mata ganjaran Grab Rewards untuk setiap RM1 yang dibelanjakan</p>	<p><u>Pengkreditan Ganjaran Kempen</u> Mata ganjaran GrabRewards akan dikreditkan ke akaun Grab Pelanggan yang Layak di Aplikasi Grab dengan segera setelah transaksi Pelanggan yang Layak berjaya diselesaikan. Dalam kes-kes tertentu, pengkreditan mata ganjaran GrabRewards boleh mengambil masa sehingga dua (2) minggu dari tarikh transaksi berjaya Pelanggan yang Layak.</p> <p><u>Kelayakan Ganjaran Kempen</u> Pelanggan yang Layak akan layak menerima Ganjaran Kempen ini beberapa kali sepanjang Tempoh Kempen.</p>

4.2 Ilustrasi pengiraan dan kelayakan untuk menerima Ganjaran Kempen untuk **Kategori Ganjaran 1** dinyatakan dalam **Jadual 1** di bawah.

No.	Ilustrasi	Kelayakan Pulangan Tunai
1	Pelanggan yang Layak membuat pembelian	1% x RM105 = RM1.05

No.	Ilustrasi	Kelayakan Pulangan Tunai
	bernilai RM105 menggunakan Kad GX	Apabila dibundarkan kepada dua (2) titik perpuluhan terdekat, Ganjaran Tunai Layak adalah RM1.05.
2	Pelanggan yang Layak membuat pembelian bernilai RM79.90 menggunakan Kad GX	$1\% \times RM79.90 = RM0.799$ Apabila dibundarkan kepada dua (2) titik perpuluhan terdekat, Ganjaran Tunai Layak adalah RM0.79.
3	Pelanggan yang Layak melakukan transaksi tambah nilai e-dompet sebanyak RM20 melalui Aplikasi Grab menggunakan Kad GX	Tiada Pulangan Tunai Layak kerana transaksi ini adalah Transaksi Terkecuali.  (Rujuk <b>Fasal 3.3</b> di atas untuk Transaksi Terkecuali)
4	Pelanggan yang Layak melakukan transaksi sebanyak RM0.90 menggunakan Kad GX	$1\% \times RM0.90 = RM0.009$ Tiada Ganjaran Tunai Layak. Apabila dibulatkan kepada dua (2) titik perpuluhan terdekat, Ganjaran Tunai Layak adalah RM0.

**Jadual 1**

#### 4.3 Berhubung dengan **Kategori Ganjaran 1**:

- (a) jika terdapat sebarang pertikaian, tuntutan, atau rayuan berkenaan dengan jumlah Pulangan Tunai Layak, Pelanggan yang Layak harus mengemukakan bukti transaksi seperti yang diminta oleh GXBank untuk penyiasatan lanjut, dan GXBank akan menentukan hak Ganjaran Pulangan Tunai Pelanggan yang Layak atas budi bicaranya;
- (b) jika Perbelanjaan Layak dibalikkan, dibatalkan, dikembalikan, atau dibatalkan selepas Pulangan Tunai yang Layak dikreditkan ke Akaun GX Pelanggan yang Layak, GXBank berhak mengurangkan jumlah Pulangan Tunai Layak dari Akaun GX Pelanggan yang Layak (yang termasuk Akaun Utama dan mana-mana Poket Simpanan); dan
- (c) jika GXBank kemudiannya mendapati bahawa Pelanggan yang Layak sebenarnya tidak layak untuk Pulangan Tunai Layak atau terdapat sebarang ralat atau kesilapan dalam pengkreditan Pulangan Tunai Layak, GXBank berhak untuk menolak untuk mengkredit Pulangan Tunai Layak atau meminda, membetulkan atau melaraskan Pulangan Tunai Layak, atau debitkan amaun Pulangan Tunai Layak, jika sudah diberikan, daripada Akaun GX Pelanggan yang Layak (yang termasuk Akaun Utama dan mana-mana Poket Simpanan). Jika wang yang ada pada kredit Akaun GX Pelanggan yang Layak tidak mencukupi untuk membayar balik GXBank bagi jumlah Pulangan Tunai Layak, Pelanggan yang Layak hendaklah membayar balik GXBank dengan serta-merta untuk jumlah Pulangan Tunai Layak atas permintaan.

- 4.4 GXBank berhak untuk menolak untuk (i) melucutkan kelayakan Pelanggan yang Layak daripada menyertai Kempen ini, (ii) menolak untuk mengkredit atau membatalkan pengkreditan Ganjaran Kempen, menarik balik atau mendebit Ganjaran Kempen daripada Akaun GX Pelanggan yang Layak (termasuk Akaun Utama dan mana-mana Poket Simpanan), dan/ atau (iii) mengambil sebarang tindakan lain yang dianggap perlu oleh GXBank (termasuk tindakan undang-undang) terhadap Pelanggan yang Layak):
- 4.4.1 jika Pelanggan yang Layak didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/ atau prosesnya atau pengendalian Kempen ini termasuk sebarang aktiviti penipuan oleh Pelanggan yang Layak;
- 4.4.2 jika GXBank menentukan bahawa Pelanggan yang Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat ini dan/ atau Terma-Terma dan Syarat-Syarat Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Runcit GXBank, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- (a) Akaun GX atau Kad GX Pelanggan yang Layak telah beroperasi atau digunakan dengan cara yang tidak teratur atau tidak betul;
  - (b) Pelanggan yang Layak telah melakukan penipuan atau tidak jujur; or
  - (c) Pelanggan yang Layak telah berkelakuan dengan tidak jujur atau dengan cara lain yang tidak sesuai untuk mendapatkan kelebihan yang tidak adil terhadap GXBank, rakan kongsi atau penyedia perkhidmatan kami;
- 4.4.3 jika kejadian telah berlaku yang memberi hak kepada GXBank untuk menangguhkan atau menamatkan sebahagian atau keseluruhan perjanjian perbankan kami untuk produk, seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Pengurusan Produk dan Perkhidmatan Perbankan Runcit GXBank.

## 5. Terma dan Syarat Am

- 5.1 Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju dan memberikan persetujuan untuk membenarkan data peribadi anda dikumpul, diproses, dan digunakan oleh GXBank mengikut Polisi Privasi Data GXBank, yang boleh dilayari di [www.gxbank.my](http://www.gxbank.my). Selain itu, tanpa merendahkan terma yang dinyatakan dalam Polisi Privasi Data GXBank, anda bersetuju dan memberikan persetujuan untuk data atau maklumat peribadi anda dikumpul, diproses, dan digunakan oleh GXBank untuk:
- (a) tujuan Kempen ini; dan
  - (b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh GXBank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau bahan media publisiti dan promosi seperti rakaman audio dan/ atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan digital serta di Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa had penggunaan dan/ atau penerbitan sebarang butiran yang diberikan dan/ atau berkaitan dengan entri, bahan temubual serta respons dan gambar berkaitan. Dalam hal ini, anda bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai semua aktiviti pengiklanan dan promosi atau publisiti GXBank berhubung dengan Kempen ini.

- 5.2 Melainkan dinyatakan secara khusus dalam Terma dan Syarat ini, Kempen ini tidak sah dengan sebarang kempen lain GXBank, dan tiada kadar istimewa, tambahan, keutamaan dan/ atau ganjaran akan diberikan kepada anda selain daripada Kempen ini.
- 5.3 Rekod transaksi yang dikekalkan oleh GXBank dan keputusan GXBank dalam semua perkara (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang pertikaian yang timbul daripadanya) yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif, dan mengikat anda. GXBank tidak diwajibkan memberikan sebab atau melayan sebarang koresponden dengan mana-mana individu atau pihak berkenaan apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kempen ini.
- 5.4 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan melainkan disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja GXBank, GXBank dengan tegas mengecualikan dan menafikan sebarang pernyataan, jaminan, atau sokongan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang jaminan kualiti, kebolehterimaan atau ketersediaan untuk tujuan tertentu.
- 5.5 Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju bahawa GXBank tidak bertanggungjawab dalam apa jua cara jika GXBank tidak dapat melaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripada tugasnya di sini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, perang, mogok, kerusuhan, pandemik, sebarang tindakan Tuhan yang di luar kawalan GXBank atau disebabkan oleh sebarang faktor alam semula jadi serta keadaan maha kuasa yang berada di luar pengawalan munasabah GXBank.
- 5.6 GXBank serta pegawai, kakitangan, wakil, dan/ atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh GXBank untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima sebarang liabiliti apa pun dan sebagaimana timbulnya atau dialami oleh anda atau pihak ketiga yang lain sebagai hasil langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini, melainkan disebabkan oleh kelalaian besar atau kelakuan salah GXBank yang berkaitan secara langsung dengan Kempen ini.



- 5.7 GXBank tidak akan bertanggungjawab atau boleh memegang tanggungjawab bagi hal kegagalan teknikal apa pun, intervensi, gangguan dan/ atau ralat elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/ atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui Aplikasi GX, selagi perkara tersebut tidak disebabkan secara langsung oleh GXBank.
- 5.8 GXBank tidak bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, kedai perniagaan, pihak berkuasa pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak lain yang mungkin menyebabkan anda gagal mendapat ganjaran di bawah Kempen ini.
- 5.9 GXBank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang salah tafsir atau penyelewengan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini yang ditawarkan dan diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 5.10 Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dan sebarang iklan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan atau berhubungan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diutamakan.
- 5.11 GXBank berhak untuk membatalkan, menarik balik, menangguh, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tamat Tempoh Kempen, secara keseluruhan atau sebahagiannya, pada bila-bila masa, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada anda dengan cara memaparkan di laman web GXBank di [www.gxbank.my](http://www.gxbank.my), melalui Aplikasi GX, atau cara lain yang ditentukan oleh GXBank dari semasa ke semasa. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pembatalan, penarikan balik, penangguhan, pelanjutan atau penamatan oleh GXBank terhadap Kempen ini tidak memberikan anda hak untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap GXBank bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh anda sama ada sebagai hasil langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penangguhan, pelanjutan atau penamatan tersebut.
- 5.12 GXBank berhak untuk menambah, memadam, menangguh atau mengubah Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa, keseluruhan atau sebahagiannya, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada anda dengan cara memaparkan di laman web GXBank di [www.gxbank.my](http://www.gxbank.my), melalui Aplikasi GX atau cara lain yang ditentukan oleh GXBank dari semasa ke semasa.
- 5.13 Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju untuk mengakses laman web GXBank dari semasa ke semasa untuk membaca Terma dan Syarat ini (termasuk sebarang notis oleh GXBank yang berkaitan dengan Kempen ini). Jika anda tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat ini, anda mesti mendapatkan penjelasan daripada wakil sah GXBank.
- 5.14 Terma dan Syarat ini akan tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Anda bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia.

- 5.15 Sekiranya berlakunya sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris untuk Kempen ini (*GX Rewards Experience Campaign Terms and Conditions*) dan Terma dan Syarat versi Bahasa Malaysia ini, Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris (*GX Rewards Experience Campaign Terms and Conditions*) akan diutamakan dan mengatasi Terma dan Syarat versi Bahasa Malaysia ini.
- 5.16 Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/ atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi kami melalui perbualan dalam Aplikasi GX. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi pasukan Sokongan Pelanggan kami di +603 7498 3188 atau menghantar e-mel kepada kami di [ask@gxbank.my](mailto:ask@gxbank.my).